

**TEKS UCAPAN**

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN, NAIB  
CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)  
SEMPENA PROGRAM SENAMROBIK BERSAMA  
MAHASISWA UniMAP SEMPENA MINGGU SUAIKENAL  
SIDANG AKADEMIK 2010/11, 28 JULAI 2010.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Mahasiswa dan Mahasiswi baru UniMAP, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera. Selamat Pagi, Good Morning, Kalai  
Vannakam, Zao Shang Hao, Saba Hunhair.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya proses pendaftaran pelajar di Ulu Pauh pada 26 Julai lalu berjalan dengan lancar. Syukur juga saya panjatkan ke hadhrat Allah kerana dapat bersua muka dan berkenalan dengan sebahagian ibu bapa dan waris pelajar, serta memberikan sedikit taklimat agar ibu bapa anda semua melepaskan anda di sini dengan rasa yang tenang.

Bermula pada tarikh tersebut juga, anda semua telah melalui beberapa siri aktiviti dan program sempena Minggu Suai Kenal (MSK) dan hari ini, kita semua berkumpul beramai-ramai di dataran ini bagi menjayakan **Program Senamrobik Bersama Mahasiswa UniMAP Sempena MSK Sidang Akademik 2010/11** bagi tahun 2010 ini.

Seperti pelajar ambilan pertama, anda juga akan disertai oleh warga kerja UniMAP pada pagi ini, tujuannya cuma satu, untuk membolehkan anda mengenali wajah-wajah yang mungkin anda akan berurusan selepas ini.

**Ladies & Gentlemen and dear students,**

**Welcome to Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). It is both an honor and a privilege to stand before you today and welcome you to this amazing community. As you will soon discover, it has a real family atmosphere, and the lecturers here care about the students and their welfare.**

**There is a strong sense of working together toward the common goals of the university.**

**Let me assure you that each and every one of you are here because you deserve to be, and because you can bring something new and exciting to this diverse learning community. So welcome! I thank you so much for coming along here today, and for putting your trust in UniMAP. We look forward to sharing your learning journey.**

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

Pengurusan UniMAP mempunyai corak dan kaedah tersendiri dalam usaha mendekatkan diri dengan pelajar-pelajar dan salah satu daripadanya ialah daripada aktiviti riadah dan senamrobik seperti ini. Dengan aktiviti inilah, kita akan berkumpul sebagai satu keluarga dan sama-sama melakukan pergerakan-pergerakan yang bukan sahaja membantu menyegarkan badan tetapi pada masa sama menyumbang kepada kecergasan minda.

Untuk pengetahuan semua, pada 4 Julai lalu UniMAP telah menerima kira-kira 1,400 pelajar pada kemasukan pertama Sidang Akademik 2010/2011 dan pada hari Isnin yang lalu, UniMAP sekali lagi menerima 466 pelajar baru pada kemasukan kedua pada Sidang Akademik 2010/2011 ini.

Sesungguhnya alam pembelajaran di universiti ini amatlah berbeza berbanding pembelajaran anda di peringkat sekolah mahupun matrikulasi atau lebih ramai saya kira mengikuti pengajian Diploma di Politeknik sebelum ini. Namun, satu yang pasti, anda perlu berasa bertuah kerana terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menara gading.

Gunakanlah peluang yang terbentang luas ini sebagai satu langkah permulaan bagi mengecapi kejayaan yang diimpikan sekaligus mampu mencorak kehidupan baru dalam diri anda. Jangan sesekali menghamparkan harapan kedua ibu bapa serta keluarga anda yang telah memberikan sepenuh kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab ini.

Para pelajar sekalian,

Mungkin saudara saudari sekalian beranggapan UniMAP merupakan salah sebuah universiti teknikal yang menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran akademik semata-mata. Ini sejajar dengan hasrat penubuhan universiti ini yang sememangnya berteraskan kejuruteraan dan mempunyai matlamat melahirkan jurutera yang kompeten.

Hakikatnya UniMAP merupakan sebuah universiti teknikal yang menghasilkan jurutera versatil yang mempunyai

kemahiran insaniah yang mencakupi semua aspek iaitu akademik, sukan, budaya dan sebagainya.

Kesemua kemahiran ini disemai di UniMAP menerusi aktiviti yang dikenali sebagai '**7 i - pillars**', merangkumi kursus-kursus patriotik dan kenegaraan, kursus pembinaan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, kursus etiket, sukan lasak, lawatan ke rumah orang-orang tua, program gotong-royong di kawasan kemudahan awam dan sekolah-sekolah, program forum ilmiah, kursus kepimpinan dan lain-lain lagi.

Kursus ini merupakan kursus wajib dan salah satu syarat utama untuk membolehkan anda bergraduat. Dalam erti kata lain, usah bermimpi untuk mengenggam segulung ijazah jika anda tidak menyempurnakan kesemua tujuh teras utama kursus ini.

Untuk makluman semua juga, Baktasiswa Perdana yang merupakan salah satu program yang terkandung dalam 7 Pillars ini telah berlangsung dengan jayanya pada 16 hingga 18 Julai yang lalu dan memandangkan anda semua (kelompok kedua yang mendaftar) tidak berpeluang mengikutinya pada tahun ini. Justeru, saya amat mengharapkan komitmen anda semua untuk menjayakan program ini pada tahun hadapan.

Mungkin sesetengah dari anda merasakan ini satu bebanan. Ketepikan rasa itu dan alami sendiri. Saya yakin dan percaya, anda akan seronok melalui pengalaman ini dan akhirnya, anda pasti akan berterima kasih kepada UniMAP kerana menyediakan kursus-kursus ini untuk anda.

Dan inilah yang sebenarnya dilaksanakan oleh UniMAP. Semenjak tahun 2008 lagi, yakni sebelum pelancaran 1Malaysia, UniMAP telah menerapkan konsep JUARA PERPADUAN dalam setiap program dan aktiviti universiti terutama membabitkan program **7 i - pillars** ini.

Dan sebagai Naib Canselor, saya mengharapkan kerjasama dan komitmen daripada anda semua untuk merealisasikan hasrat dan matlamat ini untuk kemajuan UniMAP yang kita sayangi ini.

Para pelajar sekalian,

UniMAP sebenarnya cuba menghasilkan graduan ideal. Mungkin para pelajar tertanya-tanya apakah yang dimaksudkan dengan graduan ideal. Graduan yang ideal bukan sahaja perlu mahir dalam penguasaan kemahiran asas, malah kemahiran berbentuk 'soft skills' yang sangat diperlukan dalam mengharungi pasaran pekerjaan yang sentiasa berkembang.

Graduan ideal perlulah mempunyai kebijaksanaan dalam berkomunikasi, pandai menjaga ketrampilan diri, berkebolehan dalam menyelesaikan masalah dan konflik serta bersedia berhadapan dengan masalah yang mendatang. Ini adalah yang kita panggil sebagai “soft skills” yang akan memberi nilai tambah kepada para graduan.

Dan ini adalah selaras dengan Teras Strategik Keempat RMK-10 iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia di Malaysia ini.

Para pelajar sekalian,

Untuk makluman semua, pada kemasukan Sidang Akademik 2010/2010 ini kita mula menawarkan dua kursus baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) dan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dan mungkin ada diantara anda di sini yang turut mengambil jurusan tersebut.

Maka atas sebab itulah kita di UniMAP telah menukuhkan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) yang akan dilancarkan esok. Dengan terlancarnya PPIPT esok, maka akan tercatatlah satu lagi sejarah baru di UniMAP.

Jika pada tahun 2002, kita hanya bermula dengan 2 pusat pengajian, pada tahun ini genap 8 tahun penubuhan, UniMAP sewajarnya berbangga dengan 10 pusat pengajian yang dimilikinya iaitu 8 pusat pengajian Kejuruteraan, satu pusat kemahiran dan komunikasi dan yang terkini PPIPT.

Untuk makluman semua yang hadir, PPIPT ditubuhkan apabila pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) menyarankan agar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha membentuk mahasiswa yang tidak bergantung kepada konsep makan gaji semata-mata. Ini kerana kadar pengangguran semakin meningkat akibat daripada kelembapan aktiviti ekonomi negara.

Ini sememangnya merupakan satu langkah yang perlu dilaksanakan memandangkan UniMAP sedang berada dalam fasa untuk berkembang seiring dengan universiti-universiti baru yang lain, saya percaya dengan tertubuhnya pusat ini, UniMAP telah membuka lembaran baru untuk menceburi bidang lain selain bidang kejuruteraan yang menjadi teras UniMAP selama ini.

Dan sebentar lagi pula, akan berlangsung Mesyuarat Agung Kelab Kakitangan UniMAP yang akan membincangkan pelbagai agenda termasuk hala tuju kelab yang menaungi

kebijakan keseluruhan warga kerja UniMAP. Besarlah harapan saya agar anda semua staf UniMAP memberikan komitmen yang jitu dalam menjayakan mesyuarat agung ini. Kemukakan apa sahaja usul yang anda rasa boleh meningkatkan kebijakan pekerja dan jika ia relevan dan sesuai dengan peredaran masa, saya pasti tidak sukar untuk merealisasikannya.

Justeru, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan mesyuarat agung Kelab Kakitangan UniMAP yang akan berlangsung sejurus selesai Perjumpaan Mingguan ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, izini saya menyampaikan serangkap pantun :

Indahnya cincin batu geliga,  
Semakin indah ditambah berlian,  
UniMAP ibarat satu keluarga  
Bersamalah kita memacu kejayaan.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.